

'Pagari tebing Sungai Melaka'

Melaka Tengah: Kerajaan negeri mengarahkan pagar dibina di tebing Sungai Melaka berhampiran Taman Seri Krubong, dekat sini, susulan kejadian empat budak lemas di situ petang kelmarin.

Ketua Menteri, Datuk Wira Idris Haron, berharap tindakan itu dapat disegerakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengelak tragedi menimpa Mohd Hazimi Fadzli, 9, dan adik perempuannya, Hanis Balqis, 7, serta dua rakan mereka, Athafiz Amin, 10, dan Radziatul Nadia, 12, berulang.

Sambil melahirkan rasa se-

dih dengan tragedi berhampiran Taman Seri Krubong, Fasa 3 itu serta mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa, beliau berkata, selain pagar dawai dengan ketinggian 1.8 meter itu, papan tanda amaran juga perlu dipasang di lokasi berkenaan.

Kejadian di luar jangkaan

"Kejadian memang di luar jangkaan, namun tindakan segera wajar diambil JPS," katanya ketika ditemui bersama isteri, Datin Wira Fadilah Abdullah serta Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Abu Bakar Mohd Diah di peka-

rangan Bilik Mayat Hospital Melaka, awal pagi semalam.

BH semalam melaporkan empat kanak-kanak berkenaan lemas ketika sedang mencari kepah, namun empat lagi rakan mereka berusia enam hingga 11 tahun terselamat.

Idris turut mengumumkan Jabatan Ketua Menteri Melaka menghulurkan sumbangan RM1,600 kepada keluarga mangsa, selain sumbangan daripada Abu Bakar yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Szali Md Din.



Idris (dua dari kiri) melawat keluarga mangsa lemas di Hospital Melaka, semalam.
[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY/BH]